

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JANUARI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

SDG tangani isu pembangunan tidak lestari

SDG tangani isu pembangunan tidak lestari

Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah aktsi penting dalam semua perancangan dan dasar bagi menangani isu pembangunan tidak lestari sehingga merosakkan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, SDG juga bagi mengelak tragedi ber-

cana alam di negara ini seperti banjir yang melanda baru-baru ini berulang pada masa hadapan.

"Sekiranya kita mengabaikan keseimbangan ini, padahal yang terpaksa ditanggung sangat tinggi seperti yang kita lalui baru-baru ini, ataupun mungkin lebih teruk lagi. Ia melangkaui apa



Ismail Sabri merasmikan pelancaran Yayasan MySDG di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. Turut hadir Tengku Zafrul.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Ibadat&Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa memelihara semua solat fardu (yang lima), dia tidak akan ditulis dalam kalangan orang lailai." (HR Ibnu Khuza'aimah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:25	1:34	4:55	7:28	8:40
Alor Setar	6:25	1:34	4:55	7:28	8:40
P. Pinang	6:24	1:34	4:55	7:29	8:42
Ipooh	6:21	1:32	4:53	7:28	8:40
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:50	7:27	8:39
Shah Alam	6:17	1:29	4:50	7:27	8:39
Johor Bahru	6:06	1:20	4:42	7:21	8:33
Kuantan	6:10	1:23	4:45	7:22	8:34
Seremban	6:14	1:27	4:49	7:26	8:39
Bandar Melaka	6:13	1:26	4:48	7:26	8:38
Kota Bharu	6:17	1:27	4:48	7:21	8:29
K. Terengganu	6:12	1:23	4:44	7:18	8:30
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:53	6:27	7:40
Kuching	5:41	12:55	4:17	6:55	8:08

yang boleh diukur dari segi kerohanian. Kerajaan tidak mampu untuk menangani perkara ini secara bersendirian.

"Sokongan padu amat diperlukan daripada semua pihak, sehari dengan pendekatan senegara, terutama apabila kita merujuk kepada SDG," katanya berucap merasmikan pelancaran Yayasan MySDG di Kementerian Kewangan, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kelembagaan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Ismail Sabri berkata, sektor perniagaan, institusi kewangan dan masyarakat perlu bersama-sama turut serta menyumbang bagi melengkapkan usaha kerajaan mencapai matlamat SDG menjelang 2030.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, belliau mengajak seluruh Keluarga Malaysia tidak kira sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) atau individu di dalam dan luar negera untuk sama-sama menyumbang kepada Dana Amanah MySDG.

Dana Amanah MySDG adalah kerjasama antara kerajaan dengan PBB di Malaysia yang me-

nyediakan sebuah platform bagi menghimpunkan pelbagai sumbangan bagi menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030).

Matlamatnya antara lain berlaju untuk membiasmi semua kategori kemiskinan, memerangi ketaksamaan, mewujudkan keamanan, menangani masalah alam sekitar dan memastikan tiada sifap pun dalam Keluarga Malaysia terpinggir daripada arus pembangunan.

Penubuhan Yayasan MySDG pula mampu menarik lebih banyak sumbangan bagi melaksanakan pelbagai program berkaitan SDG bagi memastikan Agenda 2030 tercapai.

"Sebagai langkah pertama, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa sumbangan kepada dana akan menerima potongan cukai hingga 10 peratus daripada jumlah pendapatan agregat.

"Saya berharap insentif ini akan mendorong lebih ramai menyumbang kepada inisiatif yang berasaskan ini. Saya berterima kasih kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atas bantuan dan kerjasama yang diberikan, terutama dalam mem-

promosikan inisiatif ini kepada penyumbang antarabangsa yang sentiasa yakin dengan usaha dan aspirasi Malaysia dalam mencapai matlamat ini," katanya.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, Yayasan MySDG akan menjadi platform bagi menyelaras geran daripada pelbagai sumbangan dengan lebih baik.

Penubuhan yayasan itu turut membabitkan komitmen peruntukan RM20 juta oleh kerajaan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Manurutnya, usaha itu akan turut merapatkan jurang pembiayaan melalui sumbangan daripada sektor swasta, NGO, pertubuhan masyarakat sivil (CSO) atau individu dari dalam dan luar negara yang dilaksanakan melalui kaedah lebih sistematis dan mampan serta memastikan ketelusuran saluran untuk menyumbang kepada agenda matlamat pembangunan mampan (SDG).

Yayasan itu akan ditadbir sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada individu disegani dalam kalangan sektor awam, penggiat industri, ketua masyarakat sivil serta para kakar dalam bidang tertentu.